

PELAWAAN PENYERTAAN KE SEMINAR ASEAN TAMADUN ANDALUSIA

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 27 Julai 2010 17:09

Kepada: UUM - All Staff

27 JULAI 2010/15 SYAABAN 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: BERIKUT disertakan maklumat dari Pusat Islam, Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia (USM) berkaitan **Pelawaan Menyertai Seminar ASEAN Tamadun Andalusia** anjuran International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), USM dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk perhatian tuan/puan:

SEMINAR ASEAN TAMADUN ANDALUSIA

PEMBENTANG JEMPUTAN:

Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas

Prof. Dr. Ataulloh Bogdan Kopanski
Kulliyah of Islamic Revealed
Knowledge & Human Sciences,
UIAM, Kuala Lumpur.

Prof. Ir. H. Sarwidi, MSCE, Ph.D., IP-U
Rectorate Building, Islamic University of
Indonesia (UII), Universitas Islam
Indonesia, Indonesia.

Dr. Haji Serbini Bin Haji Matahir
Rector Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA), Negara Brunei Darussalam.

Dr. Yusof Talek
Timbalan Direktor Bahagian
Planning, Kolej Pengajian Islam
Prince of Songkla University (PSU)
Pattani Campus, Thailand.

Tn. Haji Mohamed Yusof Bin Haji Zuhri
Naib Pengerusi Institut Pengajian Tinggi
Al-Zuhri (Al-Zuhri), Singapura.

Jawatankuasa Seminar Asean
Tamadun Andalusia
Pusat Islam,
Universiti Sains Malaysia
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533884/3883/3779 Faks: 04-6561305
email: zamrus@notes.usm.my
noreen_afza@notes.usm.my
sefai@usm.my

SEMINAR ASEAN TAMADUN ANDALUSIA

**MEMBENTUK PENDIDIKAN
LESTARI MELALUI
PENERAPAN 'AL-RUH
DAN AL-NAFS':
SOROTAN TAMADUN
ANDALUSIA**

20 - 21 OKTOBER 2010
Dewan Utama
INTERNATIONAL INSTITUTE OF
ISLAMIC THOUGHT
AND CIVILIZATION (ISTAC)

"Menggilap Thaqafah Mencapai Hikmah"

Anjuran Bersama
Universiti Sains Malaysia (USM)
International Institute of Islamic Thought and
Civilization (ISTAC)

Dengan Kerjasama
Bahagian Pendidikan Islam
(Kementerian Pelajaran Malaysia)

MEMBENTUK PENDIDIKAN LESTARI MELALUI PENERAPAN 'AL-RUH DAN AL-NAFS': SOROTAN TAMADUN ANDALUSIA

PENDAHULUAN
Seminar Asean Membentuk Pendidikan Lestari melalui Penerapan 'al-ruh dan al-nafs': Sorotan Tamadun Andalusia adalah salah satu program anjuran bersama Universiti Sains Malaysia dan Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun (ISTAC) dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Islam (Kementerian Pelajaran Malaysia) bagi memperkasa institusi pendidikan. Secara khusus seminar kali ini memberi fokus kepada sistem pendidikan dan pengajaran Islam yang mapan dalam sejarah tamadun Andalusia sebelum kejatuhan pada 1492 Masihi. Gabungan budaya ilmu dalam masyarakat dan metod sistem pendidikan tersendiri telah memartabatkan tamadun Andalusia sebagai kiblat ilmu selama hampir 800 tahun iaitu dalam abad ke-8 hingga ke-14 Masihi. Masyarakat di Eropah khususnya memandang pencapaian sistem ilmu yang dibangunkan itu perlu dipelajari malah dipraktikkan dalam rancangan membina sebuah tamadun baru. Malangnya nawaitu tersebut akhirnya bertukar menjadi suatu perebutan kuasa dan wilayah akibat sikap tamak lalu mereka merampas kerajaan Andalusia dari tangan umat Islam. Kini hasil peninggalan sistem itu harus dibongkar keseluruhannya untuk memperkasa institusi pendidikan bahkan menyemarakkan kembali tamadun ilmu di rantau ini.

OBJEKTIF

- Berkongsi pengalaman untuk membantu meningkatkan profesionalisme pengajaran dan institusi pengajian.
- Menghimpunkan semula seberapa banyak khazanah sistem, metod, bahan mengajar, silibus pendidikan pengajaran dalam amalan tamadun Andalusia.
- Memberi pendedahan bahawa multi disiplin dalam pendidikan mampu mempengaruhi kualiti peradaban intelektual.
- Membongkar semula punca pendidikan yang mempengaruhi kecemerlangan ummah dalam tamadun Andalusia.
- Mem bentuk kekuatan pasukan penggubal dasar kurikulum di pelbagai peringkat pendidikan untuk memperkasa penerapan nilai-nilai Islam.

TEMA:

- Sejarah pendidikan peringkat rendah, menengah dan tinggi
- Pelbagai pendekatan
- Halatuhu masa hadapan
- Model pendidikan
- Kelestarian pendidikan

ANJURAN BERSAMA
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
International Institute of Islamic Thought and
Civilization (ISTAC), Kuala Lumpur, Malaysia.

DENGAN KERJASAMA
Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia.

SASARAN
Warga Institusi pendidikan Islam negara-negara Asean
Staf dan pelajar IPT
Pengusaha sekolah-sekolah swasta
Para penyelidik
Individu

TARIKH
20-21 Oktober 2010 bersamaan 12-13 Zulkaedah 1431
(Rabu-Khamis)

TEMPAT
Dewan Utama, International Institute of Islamic Thought
and Civilization (ISTAC)

YURAN

	Warganegara	Bukan Warganegara
Pembentang	RM200.00	USD200.00
Peserta	RM100.00	USD100.00
Guru	RM50.00	USD50.00
Pelajar	RM20.00	USD20.00

(Para penulis kertas kerja yang terpilih tetapi tidak menjadi pembentang atau peserta dikategorikan sebagai peserta dengan bayaran RM100.00 / USD100.00)

TARIKH-TARIKH PENTING
Tarikh akhir penghantaran abstrak ialah 30-06-2010
Tarikh makluman penerimaan abstrak ialah 30-07-2010
Tarikh akhir penghantaran kertas kerja ialah 01-09-2010

PERMOHONAN / APPLICATION

Nama : _____

Jawatan : _____

Institusi : _____

Alamat : _____

Tel : _____

Faks : _____

E-mail : _____

Warganegara ☐

Bukan Warganegara ☐

Pembentang ☐

Peserta ☐

Guru ☐

Pelajar ☐

Cara Pembayaran
Pembayaran melalui kertas kerja semasa jamuan, sijil dan rail. Pembayaran boleh dibuat secara cek berpaling bank, draf atau postal order kepada Bendahari USM, Pulau Pinang.